

Bil. S 45

**AKTA LEMBAGA BANDARAN
(PENGAL 57)**

**UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA BANDARAN (BANDAR SERI BEGAWAN) (PINDAAN),
2015**

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-Undang Kecil

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa.
 2. Pemansuhan Undang-Undang Kecil.
 3. Perkecualian.
 4. Pemansuhan Undang-Undang Kecil lain.
-

**AKTA LEMBAGA BANDARAN
(PENGAL 57)**

**UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA BANDARAN (BANDAR SERI BEGAWAN)
(PINDAAN), 2015**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 5 dari Akta Lembaga Bandaran, maka Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dengan ini meluluskan Undang-Undang Kecil yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa.

1. Undang-Undang Kecil ini boleh digelar sebagai Undang-Undang Kecil Lembaga Bandaran (Bandar Seri Begawan) (Pindaan), 2015 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh yang sama dengan tarikh permulaan kuat kuasa Perintah Kawalan Bangunan, 2014.

Pemansuhan Undang-Undang Kecil.

2. Undang-Undang Kecil Bandaran yang diluluskan oleh Lembaga Kebersihan Pekan Brunei berkuat kuasa dari 1hb Januari 1922, dalam Undang-Undang Kecil ini disebut sebagai Undang-Undang Kecil utama, adalah dipinda dengan memansuhkan undang-undang kecil 1 hingga 16 dan undang-undang kecil 177 hingga 180.

Perkecualian.

3. Mana-mana peraturan dan kawalan bangunan dan pengendalian bangunan yang dikeluarkan atau diluluskan di bawah Undang-Undang Kecil utama dan berkuat kuasa sejurus sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Undang-Undang Kecil ini hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh selebihnya Undang-Undang Kecil itu dan hendaklah ada sehingga bangunan itu siap.

Pemansuhan Undang-Undang Kecil lain.

4. Undang-Undang Kecil Pasukan Bomba Pekan Brunei, 1926 (Pemberitahuan bertarikh 31hb Disember 1926) dan Undang-Undang Kecil Perkhidmatan Air Swasta (Pemberitahuan bertarikh 1hb April 1930) yang diluluskan oleh Lembaga Kebersihan Pekan Brunei adalah dimansuhkan.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 15 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 2 haribulan Julai, 2015.

AWANG HAJI ALI BIN MATYASSIN
Pengerusi,
Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Disahkan pada hari ini 15 haribulan Ramadhan, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 2 haribulan Julai, 2015.

PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN
PENGARAH DATO PADUKA HAJI OTHMAN
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.